

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA MPSP  
SEMPENA  
SAMBUTAN HARI MAJLIS 2017  
23 JULAI 2017 (AHAD), JAM 8:45 PAGI  
IBU PEJABAT MPSP, BANDAR PERDA**

---

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon**  
Timbalan Ketua Menteri 1

**Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L  
Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri 2

**Yang Berhormat Ahli - ahli EXCO Kerajaan Negeri  
Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli - ahli Dewan Undangan Negeri  
Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-AhliParlimen**

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis,  
Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani binti Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua - Ketua Jabatan**

**Rakan - rakan Media**

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

.....  
Assalamualaikum wbth, salam sejahtera dan selamat pagi.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini untuk meraikan sambutan Hari Majlis 2017. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih terutama kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang

dan YB Tuan Chow Kon Yeow yang sudi hadir pada hari ini. Ucapan terima kasih juga kepada para barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ADUN, Ahli Parlimen dan semua Ahli Majlis MPSP, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua-ketua Jabatan serta kakitangan MPSP yang memberi sokongan dan kerjasama dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Sambutan Perayaan Hari Majlis ini adalah merupakan suatu acara tahunan dalam kalendar Majlis. Hari ini merupakan tahun yang ke-43, MPSP meraikan Hari Majlis. Saya masih ingat lagi saranan YAB Ketua Menteri semasa sambutan Hari Majlis tahun 2016 iaitu MPSP hendaklah meraikan Hari Majlis Ke-50 sebagai

Majlis Bandaraya Seberang Perai. Oleh itu MPSP serta warga Seberang Perai perlu berkerja keras untuk mencapai hasrat menjadikan Bandaraya dalam tempoh tujuh(7) tujuh tahun dari sekarang.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng, Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Dato Seri Farizan Bin Darus, YB Tuan Chow Kon Yeow dan semua anggota EXCO yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menjawat jawatan YDP MPSP.

Pentadbiran saya telah menetapkan 12 keutamaan untuk dicapai sepanjang enam(6) bulan yang pertama iaitu dari Julai sehingga Disember 2017.

**1. Pembersihan longkang dan perkhidmatan pemotongan rumput akan diperluaskan ke kampung - kampung, sasaran Oktober 2017.**

MPSP telah pun mengadakan dialog bajet pada 13 Mei 2017 untuk penyediaan bajet bagi tahun 2018. Penduduk menyarankan supaya pembersihan masih perlu lagi diberi keutamaan dalam bajet 2018.

Selaras dengan hasrat Y.A.B Ketua Menteri sendiri, mengenai keutamaan kebersihan ini, MPSP akan memperluaskan kerja-kerja pembersihan ini ke kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung baru, terutamanya daripada segi pemotongan rumput dan pembersihan longkang-longkang.

Sasaran peluasan skop perkhidmatan pembersihan akan bermula pada bulan Oktober 2017. MPSP telah menetapkan KPI berdasarkan outcome iaitu pada

Januari 2018 rumput disemua rezab jalan di Seberang Perai tidak melebihi dua (2) cm hingga lima (5) cm.

## **2. Memperbanyak 'Pocket Park'**

MPSP akan menganjurkan penanaman pokok teduhan sebanyak 300 batang sebulan di enam (6) lokasi untuk mewujudkan pocket parks. Program tanaman pokok pertama melalui CSC (Corporate Social Commitment) akan diadakan pada 29 Julai 2017 bersama Premium Sound Solutions Sdn Bhd di Taman Rekreasi belakang Pejabat MPSP Bandar Perda.

Pada bulan Ogos 2017, MPSP bersama Jabatan Perhutanan Negeri dan IOI sdn Bhd akan mengadakan program pembersihan laluan Bukit Juru. Satu lagi khazanah alam semula jadi yang boleh dijadikan pakej pelancongan.

## **3. Cadangan menaiktaraf MPSP kepada Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.**

Task force yang terdiri dari Ahli Majlis dan pegawai-pegawai telah pun dibentuk. KPI untuk task force ini ialah menyiapkan draf untuk dikemukakan

kepertimbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Januari 2018. Bandaraya rendah karbon adalah penting untuk menyumbang kepada inisiatif Penang Green state.

#### **4. Menyediakan draf Plan Strategik MPSP 2018-2022**

Plan strategic MPSP yang sedang diguna pakai akan tamat pada 2018. Oleh itu satu plan strategic baru perlu digubal untuk tempoh lima tahun dari sekarang.

Task force yang terdiri daripada Ahli Majlis dan Pegawai – pegawai MPSP telah dibentuk untuk merangka soalan kaji selidik dan menghasilkan draf pada Disember 2017

#### **5. Mempergiat pelaksanaa sisa dipunca.**

#### **6. Mewujudkan Bike Friendly Community.**

#### **7. Menggalakkan Local Economic Development (LED).**

Task force juga telah dibentuk yang terdiri daripada Ahli Majlis dan Pegawai-pegawai untuk memberi latihan pembuatan barang UPcycle.

8. Menjadikan Seberang Perai sebagai tempat pelancongan dengan mengadakan persidangan diperingkat antarabangsa di Seberang Perai.
9. Mempergiatkan kempen menggalakkan penggunaan garis panduan Car Wash; kedai jualan kereta terpakai dan Food Truck serta Service Truck.
10. Menyediakan garis panduan pemutihan kilang haram
11. Menyediakan garis panduan warisan Seberang Perai dan
12. Mewujudkan *smart cities* melalui:

  - i. BDA (*Big Data Analysis*)

*ii. IoT*

*iii. Open Data*

*iv. Cloud Computing*

*v. GIS*

Seberang Perai selamat, pintar, berdaya tahan, inklusif dan mampan adalah sasaran kami untuk dicapai menjelang 2022 dengan meningkatkan sistem ICT dan *Big Data Analysis* (BDA) di MPSP. Untuk menjadikan Seberang Perai bandar pintar, *Mobile Apps MPSP* direka bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan MPSP.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Pada hari MPSP akan mengadakan penyampaian beberapa anugerah:

## **1. Anugerah Inovasi Peringkat MPSP Tahun 2016**

Anugerah Inovasi MPSP 2016 merupakan tahun ke-dua dianjurkan diperingkat MPSP. Sebanyak 15 inovasi dari pelbagai jabatan dalaman MPSP dipertandingkan bagi tahun 2016. Anugerah ini adalah untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kakitangan / Kumpulan kakitangan / Jabatan dalaman MPSP yang terlibat dalam menghasilkan inovasi - inovasi secara kreatif dengan hasil yang berinovatif. Anugerah ini juga dapat memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan di kalangan kakitangan MPSP. Penilaian telah diadakan pada 10 Julai 2017 dan panel penilai adalah dari MPC dan bahagian SUK. Pemenang Anugerah Inovasi Peringkat MPSP Tahun 2016, tempat ketiga akan mendapat hadiah wang sebanyak RM 500.00, kedua

sebanyak RM1,000.00 dan johan mendapat sebanyak RM1,500.00.

## **2. Anugerah ZonTerbaik 5S, Zon Terbaik Individu**

### **5S**

Salah satu kaedah peningkatan integriti dalam perkhidmatan adalah dari segi pengamalan Sistem Pengurusan Persekutaran Berkualiti (5S). Sejak dahulu lagi semua kakitangan diseru agar menjadikan amalan 5S sebagai budaya dan bukan hanya untuk diaudit. Banyak manfaat yang diperoleh dari pengamalan budaya 5S ini antaranya mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal. Perlaksanaan Amalan 5S yang berkesan telah dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja di MPSP.

Untuk membudayakan 5S, Pertandingan Zon Terbaik 5S, Zon Terbaik Individu 5S diadakan setiap tahun. Untuk kategori zon terbaik, pemenang tempat ketiga akan mendapat sebanyak RM200.00, kedua sebanyak RM300.00 dan johan sebanyak RM500.00. Selain itu, bagi kategori individu pula, pemenang tempat kelima dan keempat akan mendapat RM 50.00, tempat ketiga sebanyak RM 100.00, kedua RM 200.00 dan manakala johan mendapat RM 300.00.

### **3. Anugerah Kaizen**

Anugerah KAIZEN diberikan kepada kakitangan yang telah menghasilkan idea penambahbaikan yang boleh digunakan bersama oleh kakitangan atau jabatan-jabatan lain untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas tanpa melibatkan kos yang tinggi. Lima cadangan terbaik akan menerima

hadiah berupa hamper yang bernilai RM 50.00. Diharapkan dengan penganjuran program seperti ini iaanya mampu membakar semangat kakitangan MPSP untuk meningkatkan mutu prestasi kerja mereka.

#### **4. Anugerah Pekerja Contoh**

Anugerah pekerja contoh yang diberikan kepada kakitangan MPSP dinilai dari 1 Januari 2017 sehingga 30 Jun 2017 berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan. Kriteria-kriterianya adalah:

- i. Status Perkhidmatan - Terdiri daripada semua kakitangan tetap dan kontrak, sambilan dan sementara.
- ii. Tempoh Perkhidmatan – Sekurang - kurangnya setahun pada hari terakhir pemilihan
- iii. Tiada kelewatan dalam tempoh 6 bulan (Januari – Jun 2017)
- iv. Cuti sakit tidak melebihi enam (6) hari

- v. Penghasilan Kerja - Prestasi kerja yang cemerlang dari segi kualiti, ketepatan masa dan keberkesanan kerja
- vi. Kualiti Peribadi - Berdisiplin, kepimpinan, kerja lebih masa, kerja berpasukan, bertanggugjawab dengan tiada/sedikit penyeliaan sahaja.

Insentif dan hadiah Anugerah Pekerja Contoh adalah seperti berikut:

- i. Sijil Penghargaan Pekerja Contoh
- ii. Wang tunai sebanyak RM 100.00

Seramai 50 orang kakitangan telah dipilih untuk diberi penganugerahan Pekerja Contoh pada tahun ini. Semoga kesemua penerima anugerah ini akan meneruskan kesungguhan mereka dalam tugas seharian dan menjadi contoh kepada yang lain.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sempena dengan sambutan Hari Majlis 2017, Majlis telah mengadakan program BM Walk 1.0 untuk memperkenalkan bandar Bukit Mertajam. Pada hari ini, terdapat aktiviti lain yang disediakan seperti promosi pengurangan kompaun, pameran aktiviti kesenian dan tradisional, pameran produk *up-cycle* oleh komuniti, jualan pokok dan lain-lain.

Mengambil kesempatan pada pagi ini juga, saya ingin menjemput semua yang hadir ke *Butterworth Fringe Festival* anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Think City Sdn Bhd dan George Town Festival (GTF) yang akan diadakan pada 12-13 Ogos 2017 (Sabtu-Ahad) bermula 4.00 petang sehingga 11.00 malam

bertempat di Jalan Jeti Lama, Butterworth. Pelbagai acara tempatan dan antarabangsa bakal dipersembahkan selaras untuk menjadikan Butterworth sebagai hub acara budaya kreatif dan inovatif di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi Seberang Perai khasnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua kakitangan MPSP untuk sentiasa bekerja dengan cekap dan efisen dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti kepada warga Seberang Perai. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, YB Tuan Chow Kon Yeow dan Kerajaan Negeri yang sentiasa memberi sokongan padu kepada MPSP dan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Tuan

Setiausaha Perbandaran dan semua kakitangan MPSP  
kerana telah bekerja sebagai satu pasukan yang hebat.

Sekian, Wabillah hitaufik wal hidayah,  
wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Terima kasih.